

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 41 RABU 11HB. OKTOBER, 1972. 1392 رابو 3 رمضان PERCHUMA

KERAJAAN SENTIASA MEMELIHARA KEAMANAN BAGI KEPENTINGAN RAAYAT — Pmk M. B.

JALAN MUARA. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail berkata, kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dengan pertolongan pasokan2 keselamatan termasuk Pasokan Pulis Diraja Brunei akan sentiasa memelihara dan menjaga keamanan, keharmonian dan keselamatan raayat negeri ini supaya raayat dan penduduk negeri ini hidup dengan aman.

Pemangku Menteri Besar itu berucap di-upacara perbarisan tamat latehan sa-ramai 57 orang rekrut2 Pasokan Pulis Diraja Brunei di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara, pada pagi hari Sabtu lepas.

Pemangku Menteri Besar menegaskan bahawa sa-ba-rang anasir yang memperkecilkan usaha2 kerajaan untuk meninggikan kedudukan raayat akan di-berikan tindakan sawajar-nya.

Beliau menegaskan lagi bahawa kerajaan tidak akan ragu2 untuk mengambil tindakan terhadap anasir2 dalam bentuk apa sekalipun yang ingin mengancam keselamatan negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara menasihatkan raayat, terutama sekali yang bekerja bagi kehidupan mereka di-negeri ini supaya sentiasa patoh kepada undang2.

Pemangku Menteri Besar telah mengucapkan tahniah kepada rekrut2 itu ka-atas darjah yang tinggi di-chapai semasa latehan dan mengingatkan mereka akan kewajipan2 berat sa-bagai sa-orang anggota pulis.

Beliau juga menasihatkan supaya bersikap adil sapenohnya dan saksama dalam menjalankan tugas mereka dan terutama sekali mereka mestilah taat kepada Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda.



D.Y.M.M. dengan di-iringi oleh Pemerintah AMDB, Col. Dato B.F.L. Rooney dan Major King berjalan menuju ka-kapal KDB Pahlawan untuk berangkat menyaksikan peluru berpandu di-tembakkan di-tengah2 laut kira2 15 batu dari pantai Berakas.

D.Y.M.M. sa-chara dekat saksikan peluru berpandu di-tembakkan

MUARA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menyaksikan sa-chara dekat pertunjukkan menembakkan peluru berpandu SS-11 dan SS-12 yang di-lengkapkan ka-kapal KDB PAHLAWAN.

Pertunjukkan menembakkan peluru2 berpandu itu dari atas kapal Pahlawan yang bergerak dengan laju-nya telah mengambil tempat di-per-

ayeran sa-jauh lebih kurang 15 batu dari pantai Berakas pada hari Rabu lepas.

Baginda dan rombongan menaiki kapal Pahlawan yang di-lengkapkan dengan peluru2 berpandu itu dan di-iringkan oleh tiga buah kapal ronda AMDB.

Kira2 8 batu menuju ka-laut Berakas, KDB Pahlawan terus bergerak dengan lajunya dan berpisah dengan ketiga2 buah kapal ronda yang mengiringkan itu.

Dari atas kapal Pahlawan yang sedang bergerak dengan laju-nya itu, peluru berpandu tersebut di-tembakkan menuju ka-sasaran-nya oleh S/Sgt. Saini bin Bagol yang telah menerima latehan di-Peranchis dalam bulan November, 1971.

Sa-lain dari beliau, terdapat tiga orang lagi yang telah menerima latehan menembakkan peluru2 berpandu di-Peranchis itu. Mereka itu ialah Kapitan Kifli bin O.K. Laila Setia Razali; Pegawai Waran II, Abd. Aziz bin Amin dan S/Sgt. Nordin bin S. Jamaluddin.

(Lihat muka 8)



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin sedang memeriksa barisan rekrut2 yang telah tamat menjalani latehan.

BAHASA INGGERIS MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM PELAJARAN TINGGI

Bahasa Melayu tetap di-daulatkan sa-bagai Bahasa Rasmi Negara

IBU bapa dan penjaga murid2 telah di-ingatkan supaya menyedari dan mengam-bil perhatian berat terhadap pelajaran anak2 mereka dan jangan-lah menye-rahkan bulat2 soal pelajaran itu kepada para guru di-sekolah.

Dengan berbuat demikian anak2 mereka akan sentiasa terkawal dan dalam masa2 lapang anak2 itu hendak-lah di-beri pelajaran chukop di-rumah daripada banyak membuang masa sia2 terutama kepada anak2 muda yang baru mengenali suasana serba moden yang di-dalam-nya mengandungi gejala2 kurang sehat menu-rut pertumbuhan jiwa muda mereka.

Kapada anak2 muda selalu di-tekanakan agar mereka menjadi para intelek dan golongan jenerasi yang bakal memimpin bangsa dan negara yang bertanggung jawab dan berdisiplin.

Masaalah pelajaran itu telah di-bangkitkan oleh Nadzir Negara Sekolah2, Awang Suni bin Haji Idris ketika di-temu ramah mengenai dasar di-Jabatan Pelajaran terhadap pelajaran bahasa Inggeris di-jadikan satu mata pelajaran wajib di-sekolah2 aliran Melayu.

Murid2 di-sekolah2 itu nan-ti akan terpaksa mengambil mata pelajaran bahasa Ing-geris dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan sa-te-rus-nya membawa mereka ka-sekolah2 tinggi atau universiti di-luar negeri.

Menurut Awang Suni, ba-hasa Inggeris ada-lah yang pa-ling banyak di-gunakan oleh bangsa2 di-dunia baik dari segi perhubungan antara bangsa maupun dari segi sains dan teknologi dan juga dalam bi-dang2 sosial, ekonomi, perda-gangan dan sa-barang ilmu pengetahuan tinggi, maka ba-hasa Inggeris-lah memainkan peranan utama bagi sa-buah negara maju dan berkembang dengan chepat-nya.

Bagaimana pun ini tidak-lah bermaana yang Bahasa Melayu sa-bagai bahasa uta-ma di-sekolah2 akan tejejas malah kita akan terus men-daulatkan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara.

Di-tanya mengenai guru2 yang di-beri kursus mengajar bahasa Inggeris di-sekolah2 rendah Melayu, beliau men-jelaskan kursus2 itu di-berikan khas bagi guru2 yang meng-ajar di-sekolah2 rendah Mela-yu yang pengetahuan mereka dalam bahasa Inggeris tidak begitu tinggi.

Ia-nya bertujuan untuk menunjukkan dan melateh gu-ru2 tersebut dengan kaedah2 paling baru dan moden dalam pengajaran bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kedua, yang le-beh berkesan dan lebeh chepat di-fahami oleh murid2.

Awang Suni menggambarkan dengan keadaan masa yang serba maju dalam semua bidang dan memandang kapa-da Negeri Brunei yang sedang

Oleh: ABD. RAHIM WALLI

membangun kenapa bahasa Inggeris sangat mustahak di-ajar di-sekolah2 Melayu.

Jabatan Pelajaran, kata-nya, telah mengeluarkan be-beberapa siaran supaya bahasa Inggeris di-ajarkan di-sekolah2 rendah Melayu sa-dapat2 yang boleh dan berikutan dengan itu ia-nya telah di-masokkan dalam jadual waktu dan guru2 yang berkebolehan mengajar di-sekolah-nya telah menjalan-kan tugas itu sa-banyak tiga kali sa-minggu dari darjah I hingga darjah VI.

Di-tanya mengenai guru2 Melayu ada-lah mereka mera-sa sulit mengajar bahasa Ing-geris, Awang Suni menerang-kan kebanyakan mereka mem-punyai pengetahuan bahasa Inggeris yang baik dari pelajaran mereka di-kelas2 dewa-sa dan belajar bersendirian dan ada juga di-antara mereka berkelulusan dari Maktab Perguruan Kota Bahru dan Batu Lintang.

Daya usaha guru2 besar di-sekolah2 telah di-hargai dan di-saniong tinggi kerana tekad sanggup mengajar bahasa Ing-geris yang menurut pepatah Melayu 'kalau tidak rotan akar pun berguna juga'.

Sa-benar-nya, kata Awang Suni lagi, Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkliah sedang melateh guru2 dalam dua jurusan ia-itu Melayu dan Inggeris. Tetapi guru2 Ing-geris yang sedang di-lateh itu tidak dapat menampung bagi tempoh sa-tahun dua ini ka-sekolah2 Melayu kerana me-reka di-kehendaki mengajar di-sekolah2 persediaan Ing-geris meskipun harapan Jaba-tan Pelajaran pada mula-nya untuk mengajar di-sekolah2 Melayu.

Jabatan Pelajaran memang menyedari pengetahuan ba-hasa Inggeris yang di-punyai

oleh guru2 Melayu, tetapi ti-dak-lah mementingkan sangat pengetahuan bahasa Inggeris yang tinggi, yang penting ia-lah kesanggupan mereka mengajar dan belajar.

Dengan kaedah2 dan chara2 mengajar yang telah di-beri-kan, kursus2 dan latehan2 ser-ta nasehat2 yang di-tunjukkan oleh beberapa orang pegawai2 bimbingan yang di-pileh telah memboktikan bahawa chita2 itu nampak-nya menchapai kejayaan.

Di-tanya mengenai buku2 teks yang di-gunakan di-seko-lah2 Melayu, Nadzir Negara itu menerangkan Jabatan Pe-lajaran terpaksa berpandu ka-pada sukatan pelajaran ba-hasa Inggeris yang di-gunakan di-Malaysia saperti "The Eng-Syllabus for use in Standard I-VI of the post 1970, National Primary School in Ma-laysia."

Ini di-sebabkan kebanyakan buku2 teks ada-lah keluaran dari Malaysia dan Singapura yang juga berdasarkan Suka-tan Pelajaran tersebut.

Peperiksaan2 di-sekolah2 Menengah Melayu di-negeri ini ada-lah mengikuti peperek-saan2 yang di-kekolakan oleh Lembaga Peperiksaan Malay-sia saperti SRP, SPM, dan STP.

Bagaimana pun Jabatan Pe-lajaran tidak-lah mementingkan buku2 tek2 bahasa Inggeris di-dar-jah2 rendah Melayu keluaran Malaysia kerana Jabatan Pe-lajaran berharap akan dapat mengeluarkan sendiri buku2 bagi murid2 kertas panduan dan ranchangan bagi guru2, gambar2 bagi mengajar sa-chara lisan.

Masa ini kata Awang Suni lagi, Awang N.H. Walkar dan Awang M. Williamson yang bertugas dalam projek

ini sedang giat menyediakan alatan2 tersebut.

Di-tanya sampai bila-kah kursus guru2 bahasa Inggeris di-sekolah2 rendah Melayu di-jalankan, Awang Suni mene-rangan sa-lanjut-nya bahawa kursus tersebut akan berjalan terus menerus dalam jangka dua-tiga tahun lagi sa-hingga di-perchayai guru2 itu mahir dan menchukopi mengajar da-ri darjah I hingga VI.

Sa-takat ini kata-nya, Ja-batan Pelajaran telah selesai mengadakan tiga kursus, per-tama di-Sekolah Melayu Ah-mad Tajuddin Kuala Belait sa-ramai 8 orang guru, kedua di-Sekolah Melayu SUAS Muara sa-ramai 8 orang guru dan ketiga di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong sa-ra-mai 10 orang guru.

Sa-belum kursus ini di-ja-lankan Jabatan Pelajaran telah melateh 10 orang guru Melayu yang mempunyai pengetahuan Inggeris sederha-na untuk menjadi 'Pegawai2 Bimbingan' yang akan menja-lankan kursus2 tersebut di-bawah pengawasan Awang M. Williamson.

Menurut Awang Suni, pe-hak-nya telah menetapkan ti-ga-empat orang Pegawai2 Bimbingan menjalankan kur-sus2 tersebut dengan di-ketuai oleh salah sa-orang dari me-reka dari satu kursus ka-satu kursus dengan chara bergilir2.

Semua darjah dari I-VI akan di-ajar bahasa Inggeris di-semua sekolah2 Melayu se-luruh negeri sa-bagai satu ma-ta pelajaran yang di-wajibkan, tetapi hasrat ini mungkin han-ya boleh di-laksanakan pada pertengahan tahun 1973 atau awal tahun 1974.

(Lihat muka 7)



Awang Suni bin Haji Idris.

Ramadhan melimpahkan kemurahan dan keampunan Tuhan



KHUTBAH JUMA'AT

**"Puasa ia-lah suatu chara
untuk meneguhkan kesuchian
rohani dan ketinggian
budi pekerti"**

DENGAN berlalu-nya bulan Shaaban, maka munculah pula bulan Ramadhan, ia-itu bulan yang sangat di-tunggu2 kedatangan-nya oleh orang2 yang taat dan berbakti kepada Allah, kerana bulan Ramadhan ia-lah bulan yang sangat mulia dan berkat, bulan dimana di-bukakan pintu gedong pertarohan rahmat dan ehsan. Disepanjang bulan Ramadhan itu kita menghadapi limpah kemurahan dan keampunan Tuhan, amal kebajikan di-balas berganda2 dan do'a permohonan di-kabulkan. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Tiap2 amal anak Adam di-lipat-gandakan kebaikan sa-puluh balasan hingga kepada tujuh ratus ganda, te-lah berfirman Allah; melain-kan puasa, maka bahawasa-nya ia ada-lah bagi ku dan aku-lah yang akan memberi balasan ganjaran dengan-nya, ia meninggalkan shah-wat-nya dan makanan-nya kerana aku."

Ugama Islam di-anugerah-kan Allah kepada manusia un-

tok mengator dan memandu mereka ka-araf kebahagiaan hidup bagi sa-genap pehak dan lapisan baik untuk sa-masa hidup mereka di-dunia mau pun di-akhirat. Tujuan ini tidak akan tercapai melainkan apabila manusia mempunyai dua perkara penting ia-itu kesuchian rohani dan ketinggian budi pekerti. Kesuchian rohani ia-lah dengan menganut dan memperchayai iktikad2 yang betul sa-bagaimana yang di-anjorkan oleh Al-Quran dan sunnah Rasulullah, dan ketinggian budi pekerti dengan memelihara diri dari perkara2 maksiat dan keji lahir dan bathin.

Puasa ia-lah suatu chara bagi menchapai kedua2 perkara itu dengan melalui perbuatan2 anggota lahir dan bathin. Oleh kerana itu puasa yang kehendaki oleh Islam bukan-lah hanya meninggalkan makan dan minum dan sa-bagai-nya malahan hendak-lah beserta dengan iman muraq-qabah arti-nya senentiasa hati serasa2 berhadapan dengan hadrat Allah yang mendengar, melihat dan mengetahui.

Puasa yang makbut di-sisi Allah akan menimbulkan beberapa sifat yang terpuji di-antara-nya:

1. Lurus chita2 membuat sa-suatu pekerjaan.
2. Kuat azam bertindak tegas menghadapi cha-baran zaman.
3. Membatasi hawa nafsu dan menekan kemarahan dan menuntut bela.
4. Tenang di-dalam masa senang dan susah.
5. Chenderong kapada pengorbanan harta dan tenaga serta nyawa-nya jika perlu.
6. Chemburu atas kehor-

matan dan kesuchian diri, ugama dan negara-nya.

Oleh yang demikian mem-perbaiki chara2 kita menunai-kan ibadat puasa itu ada-lah amat perlu untuk kesempurna-an ibadat kita, jangan-lah kita hanya menunaikan puasa se-kadar menahan dari makan dan minum sa-mata2, tetapi di-samping itu kita masih meneruskan perkara2 maksiat atau pekerjaan2 yang keji sama ada dari segi gerak geri perbuatan atau perchakapan, mau pun dari segi perasaan jiwa dan bathin kita, tetapi mahu-lah menunaikan puasa itu dengan sempurna-nya dan dengan niat yang ikhlas serta berlaku jujur terhadap diri sendiri dan terhadap Allah Subhanahu-wa-taala. Mudah2an dengan demik-ian segala amal ibadat kita akan mendapat ganjaran pa-hala yang berlipat ganda. Amin ya-rabbal alamin.

Tafsir Darus-salam siri ke-10

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS-SALAM" siri ke-10 yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei seka-rang sedang di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS-SALAM" memuat antara lain: Tafsir dan huraian ayat 105 hingga 115 dari Surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

PERANGKAB MENANGI PERADUAN QURAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERANGKAB telah muncul sa-bagai pemenang ter-baik dalam peraduan membaca kitab suci Al-Quran antara Per-satuan2 Belia di-Daerah Brunei/Muara, anjoran persatuan Ang-katan Setia Pahlawan, INSAP, baru2 ini.

Sa-ramai 11 orang peserta ter-masuk 2 orang perempuan yang mewakili lapan buah persatuan te-lah mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Keputusan2 peraduan ada-lah seperti berikut:

Johan bahagian lelaki — Awang Johari bin Bendahari Haji Omar dari Persatuan PERANGKAB dan memenangi Perisai Rebutan hadiah Awang Hafidz Laksamana; naib johan — Awang Haji Saat bin Haji Idris dari Persatuan PERKASA dan ketiga — Awang Metussin bin Haji Mohammad dari Persatuan BAHTERA-MU.

Bahagian perempuan — johan di-menangi oleh Dayangku Rosnah binte Pengerin Sulaiman dari Per-satuan BAHTERA-MU dan memen-angi Perisai rebutan hadiah Yang Berhormat Dato Setia Awang Mo-hammad Taib bin Awang Besar.

Malam bertadarus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Pemuda-Pemudi Kampong Setia akan meng-adakan Malam Bertadarus di-sa-panjang bulan puasa mulai malam esok di-bangunan persatuan itu mulai jam 8.00 malam.

Pengerusi Persatuan itu, Awang Yusof bin Haji Mastan menjemput belia2 dan penduduk2 kampong di-sekitar kawasan Persatuan itu, menyertai Malam Bertadarus itu.

kedua — Dayang Maimunah binte Ahmad dari Persatuan PERANG-KAB dan ketiga — Dayang Asmah binte Haji Tengah dari Persatuan PERKASA.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pus-taka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato (Dr.) Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri.

Pulang sa-telah menjalani kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai lima orang guru ugama dan tiga orang pegawai mesjid telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu sa-telah menamatkan kursus bacheaan Al-Quran sa-lama sa-tahun di-Pasir Mas, Kelantan.

Guru2 ugama itu ia-lah Awang Haji Abdullah bin La-kim, Awang Haji Damit bin Haji Kawang, Awang Tahir bin Mohamad Jaafar, Dayang Damit binte Mohamad Yusof dan Dayang Taibah binte Kudi.

Pegawai2 mesjid itu ia-ah Awang Abdul Kadir bin Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim, Imam Jalin bin Haji Mustapa dan Awang Alikhan bin Is-Ismail.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11hb. Oktober, 1972 hingga ka-hari Selasa 17hb. Oktober, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
11hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06	
12hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06	
13hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06	
14hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06	
15hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06	
16hb. Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05	
17hb. Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(11hb. Oktober, 1972).

MENENTANG SA-BARANG ANASIR

PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail di-upacara perbarisan tamat lathen rekrut2 Polis Diraja Brunei antara lain bersabda bahawa Kerajaan akan terus menentang sa-barang anasir yang tidak dikehendaki oleh negara.

Menurut beliau bahawa anasir yang chuba hendak menceruboh atau sa-barang keolahan yang ingin mengecilkan usaha Kerajaan yang di-niatkan untuk kebajikan bagi rakyat dan penduduk negeri ini akan di-temui dengan tindakan2 yang sewajarnya.

Kerajaan D.Y.M.M. tidak mempunyai sa-barang "kelikau-an" atau keraguan bagi menyingkirkan apa jua jenis anasir yang bertentangan dengan keselamatan negara pada menjaga kepentingan rakyat Negeri Brunei Darussalam yang di-chintai ini. Oleh itu adalah di-nasehatkan kepada seluruh lapisan masyarakat, istimewa bagi mereka yang ikut berhidup pada mencari nafkah di negeri ini supaya tidak akan berkeolahan yang bertentangan dengan apa yang telah di-sebutkan itu.

Kenyataan dari beliau itu adalah merupakan satu peringatan kepada seluruh rakyat negeri ini dengan tidak mengira bangsa dan keturunan dalam melaksanakan tugas2 yang di-amanahkan, khasnya dari segi penentangan dan saterusnya demi untuk menghapuskan sebarang anasir yang chuba memudarkan chahaya negara.

Walau pun tidak di-sebutkan beliau apa-kali bentuknya keolahan yang termasuk kepada sebarang yang merupakan anasir yang chuba menceruboh itu, tetapi beliau menyebutkan dengan jelas ia-itu apa yang di-istilahkan beliau sebagai sebarang anasir yang ingin mengecilkan usaha Kerajaan.

Mengecilkan terhadap usaha2 Kerajaan itu sudah tentu di-anggap sa-bagai satu perkara yang tidak patut, bahkan di-anggap juga sa-bagai satu anasir yang kurang sehat bukan hanya terhadap Kerajaan tetapi juga terhadap pembangunan negara dan bangsa Brunei sendiri.

Sa-bagai perkara yang menyeleroh sifatnya, maka kita yakin bahawa hal ini juga perlu di-perhatian oleh seluruh kaki-tangan Kerajaan pada mengesankan lagi pelaksanaan tugas2 yang di-amanahkan yang merupakan satu kekuatan terhadap pentadbiran negara.

Di-pehak rakyat pula, tidak kira bangsa apa sekali pun, maka mereka hendaklah menunjukkan minat yang lebih pada menyumbangkan sebarang tenaga untuk sebarang usaha yang berkebaikan dan menambatkan kemakmoran negara. Kita, pada keseluruhannya harus menyedari bahawa negara yang kita bangun atas tenaga kita sendiri yang di-hulurkan dengan ikhlas dan jujur di-seritai dengan sifat2 amanah itu adalah merupakan kekuatan yang amat di-segani.

KITA mengucap shukor kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kemurahan dan rahmat-Nya sampai pula-lah kita kepada bulan Ramadhan yang mulia di-mana kita umat Islam di-wajibkan mengerjakan ibadat puasa sepanjang bulan Ramadhan. Berpuasa itu artinya menahan diri daripada makan dan minum serta meninggalkan segala perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sadik hingga terbenam matahari dengan rukun2 dan shariat2-nya yang tertentu.

Hukum berpuasa itu adalah wajib berdasarkan keterangan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. serta ijmaa' ulama2. Daripada Al-Quran di-antara-nya ia-lah firman Allah dalam Ayat 183, Surah Al-Baqarah yang bermaksud: "*Wahai orang2 yang beriman, telah di-wajibkan kepada kamu berpuasa sa-bagaimana yang telah pernah di-wajibkan kepada orang2 sa-belum kamu, mudah2an kamu bertambah taqwa.*"

Dan daripada Sunnah Rasulullah s.a.w. di-antara-nya ia-lah sa-buah Hadith yang bermaksud: "*Islam itu di-bina atas lima perkara: mengucap dua kalimah shahadat dan mengaku tiada Tuhan yang sebenar2-nya melainkan Allah, dan sesungguhnya Mohammad itu Pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, puasa bulan Ramadhan dan naik haji ka-Baitullah.*"

Puasa itu telah di-ijmaa'kan oleh ulama2 sa-bagai ibadat yang wajib dan dia adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima yang boleh di-ketahui hukumnya sechcara dharurat yang tiada berkehendakkan kajian dan bathan yang mendalam. Sesiapa yang ingkar akan wajibnya puasa Ramadhan itu maka dia adalah menjadi murtad keluar dari agama Islam.

Satu perkara yang selalu menimbulkan keraguan bagi sa-bahagian kecil orang2 Islam di-negeri ini ia-lah masalah memulakan, atau "mula memigang" atau mengakhiri puasa Ramadhan itu. Jika kita selidiki maseh ada sa-bahagian kecil dari umat Islam kita memulakan puasa-nya lebih dahulu dari pengumuman rasmi Kerajaan Duli Yang Maha Mulia berdasarkan sa-mata2 hitungan atau pendapat persendirian masing2, dan ada satengah-nya pula memvudahkan puasa-nya lebih awal daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, konon-nya kerana mereka melihat anak bulan Ramadhan ketakala memulakan puasa itu telah tinggi, maka mereka merasa kluatir kalau2 terkena puasa pada hari shak di-hujung bulan Ramadhan itu, atau kerana berpendapat yang mereka itu mengikut Nabi Mohammad s.a.w.

Mengalukan ketibaan bulan Ramadhan 1392 oleh Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awg. Haji Abdul Hamid bin Bakal

yang kebanyakan berpuasa bulan Ramadhan sa-lama 29 hari walau pun baginda ada juga berpuasa chukop 30 hari.

Sabenar-nya hukum Ugama Islam dalam masalah memula dan mengakhiri puasa bulan Ramadhan itu chukop mudah dan terang, ia-itu sama ada nampak anak bulan Ramadhan sechcara penglihatan atau ru'yah pada petang 29 haribulan Shaaban, atau kalau tidak nampak anak bulan Ramadhan pada petang 29 haribulan Shaaban itu sama ada hari dalam chuacha yang baik atau mendong hendaklah kita chukopkan hitungan bulan Shaaban itu 30 hari. Begitu-lah juga hal-nya dengan mengakhiri puasa Ramadhan itu sama ada nampak anak bulan Shawal pada petang 29 haribulan Ramadhan atau kalau tidak nampak di-chukopkan hitungan bulan Ramadhan 30 hari. Al-Quran dan Hadith2 Nabi ada menerangkan tentang hal ini, di-antara-nya ia-lah firman Allah di-dalam Surah Al-Baqarah Ayat 185 yang bermaksud: "*Barang siapa di-antara kamu nampak anak bulan Ramadhan maka wajiblah ia berpuasa.*" Dan salah satu Hadith Nabi dalam hal ini ialah sa-bagaimana yang di-riwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "*Berpuasa-lah kamu manakala melihat anak bulan (anak bulan Ramadhan) dan berbuka-lah kamu atau berhari raya-lah kamu manakala melihat-nya (anak bulan Shawal), jika sekiranya kamu di-lindungi awan sa-hingga tiada dapat kamu melihat-nya maka hendaklah kamu chukopkan bilangan bulan Shaaban itu 30 hari.*"

Jadi hukum bagi memula dan mengakhiri puasa bulan Ramadhan itu chukop jelas, maka tiada ada sebab sa-tengah2 orang chuba memutar belitkan hukum2 itu selain daripada chuba menambah2 atau mengurang2kan kehendak2 hukum Allah. Memang benar Nabi Mohammad s.a.w. kebanyakan berpuasa dalam 29 hari, ini sechcara kebetolan yang baginda berpuasa itu terkena 29 hari di-sebabkan sama ada pada petang 29 Shaaban dan 29 Ramadhan itu anak bulan kelihatan, atau pada petang 29 haribulan Shaaban itu tiada kelihatan anak bulan Ramadhan yang mana di-kehendaki hitungan bulan Shaaban di-chukopkan 30 hari sedangkan pada 29 haribulan

Ramadhan umat Islam waktu itu nampak anak bulan Shawal, yang mana menjadikan puasa bulan Ramadhan hanya 29 hari.

Dalam pada itu jangan lupa bahawa Nabi Mohammad s.a.w. telah pernah juga puasa sa-lama 30 hari kerana kebetolan anak bulan Shawal telah tidak kelihatan pada petang 29 haribulan Ramadhan. Jadi ini bukan-lah menjadi alasan bagi orang2 yang berpendapat yang mereka itu mengikut Nabi berpuasa 29 hari sahaja, sedangkan perbuatan itu berlawanan dengan apa yang telah di-lakukan dan di-perintahkan oleh Nabi yang sabenar-nya.

Oleh yang demikian adalah penting bagi kita kalau benar2 kita mau mengerjakan amal ibadat kepada Allah mengikut apa2 yang di-ajarkan oleh Allah dan Rasul-Nya supaya amal ibadat kita di-terima oleh Allah.

Sudah selalu benar kita umat Islam mendengar dan mengikuti huraian2 tentang tujuan2 dan hikmat2 ibadat puasa itu, di-sini saya hanya bermaksud menarek perhatian sidang pembaca tentang salah satu hikmat-nya ia-itu puasa adalah merupakan lathen untuk berdisiplin, kerana dari terbit fajar sadik hingga terbenam matahari kita di-ajar berjalan mengikut disiplin, kita di-ajar menahan diri dari makan dan minum, kita di-ajar menahan shahwat kejantinaan, kita di-ajar mengontrol dari semua perkara yang boleh membatalkan atau merosak puasa seperti marah, berlaku kasar, khianat, bohong, mengumpat dan sa-bagai-nya.

Kita di-ajar supaya sabar, berimbang rasa, belas kasehan, jujur, rajin, kuat pendirian serta azam dan sa-bagai-nya. Ini semua adalah unsur2 pendidikan dan pembentukan watak manusia yang di-kehendaki oleh Allah.

Jika kita hubungkan unsur2 ini dengan masalah pembangunan negara, maka ternyata-lah bahawa puasa itu bukan-lah suatu perkara kecil malahan adalah merupakan tunjang yang kuat dan amat diperlukan untuk membentuk dan melahirkan warga negara yang benar2 beriman, berdisiplin, jujur, tahan uji, patuh dan taat.

Oleh kerana puasa itu sa-bagai satu ibadat yang wajib di-kerjakan oleh orang2 yang chukop shariatnya maka adalah di-sejukan kepada umat Islam di-negeri ini supaya sama2 mematuhi perintah Allah itu dengan berpuasa sepanjang bulan Ramadhan dengan jujur dan ikhlas semata2 kerana Allah, disamping berusaha pada menambahkan amal ibadat kita dengan mengerjakan sembahyang tarawih, bertadarus, membacah Quran, bersemeda dan sa-bagai-nya, mudah2an dengan demikian amal ibadat kita akan di-terima oleh Allah dan akan jadi-lah kita sa-bagai orang yang taqwa yang hidup bahagia di-dunia dan di-akhirat. Akhir-nya di-ucapkan selamat berpuasa.

PG. DATO PADUKA OTHMAN SERU PEGAWAI2 DAN PENDUDOK2 TUTONG UNTUK TERUS BERKHIDMAT BAGI KEBAIKAN BRUNEI

TUTONG. — Satu majlis perpisahan kerana bersara bagi Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh telah di-langsungkan malam hari Rabu lepas di-Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah.

Lebih dari 200 pegawai dan kakitangan kerajaan dan pemimpin2 masyarakat dan kaum di-daerah itu telah menghadiri majlis itu.

Pengiran Dato Paduka Othman telah berkhidmat dengan Kerajaan sa-lama lebih dari 39 tahun dan telah bersara mulai 10hb. Oktober, 1972 ini.

Dalam jangka masa perkhidmatan-nya itu beliau telah berkhidmat di-seluruh daerah di-negeri ini dalam berbagai2 jawatan yang akhir-nya memegang jawatan sa-bagai Pegawai Daerah Tutong sa-lama lebih dari 7 tahun.

Dalam ucapan-nya di-majlis itu, Pengiran Dato Paduka Othman menyatakan yang beliau merasa beruntung sa-lama berkhidmat di-daerah itu dalam waktu mana beberapa rancangan2 besar daerah termasuk pembinaan2 sekolah, bangunan2 Kerajaan dan projek2 pendalaman telah dapat berjalan dengan sempurna-nya.

Kejayaan itu, kata beliau, ada-lah dengan ada-nya kerjasama yang erat yang telah di-berikan kepada beliau oleh pegawai2 dan kakitangan Kerajaan serta penduduk2 daerah itu yang bertugas semata2 bagi kebajikan dan faedah Daerah Tutong khas-nya dan Negeri Brunei 'am-nya.

Atas kerjasama yang telah di-berikan itu, beliau mengucapkan berbilang2 terima kasih di-samping mensifatkan-nya sa-bagai satu kenangan abadi buat beliau.

Beliau juga menyeru pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan serta penduduk2 di-situ supaya terus-menerus memberikan sumbangan2 kerjasama yang erat dalam menayakan sa-barang rancangan Kerajaan buat Daerah Tutong yang faedah-nya ada-lah untuk rakyat di-daerah itu.

Terdahulu dari itu, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Zainal Abidin bin Hj. Ibrahim selaku pengerusi majlis dan juga mewakili Pegawai2 Kerajaan, Ketua2 Kampung, Tuai2 Rumah Panjang dan kaki-tangan Kerajaan di-daerah itu telah menyatakan keshukoran dan terima kasih mereka atas tunjok ajar yang kreatif yang telah

di-berikan oleh Pengiran Dato Paduka Othman.

Daerah Tutong, kata-nya, telah menikmati dan melihat bermacam2 kemudahan dan perkembangan yang membolehkan rakyat di-dalam-nya menuju ka-arrah pemikiran dan perkembangan2 yang moden.

Beliau mensifatkan Pengiran Dato Paduka Othman merupakan salah sa-orang pembesar negara yang tidak memandang masa, wang ringgit dan tenaga bagi menayakan apa saja bentuk kerja, baik atas urusan2 Kerajaan yang banyak, mahu pun kemasharakatan.

Sa-lain dari itu, Awang Zainal Abidin juga mensifatkan beliau itu sa-bagai sa-orang yang berperasaan penoh bertanggung-jawab dengan jujur-nya kepada rakyat, negara dan raja dan bersikap tidak memandang darjat, bangsa dan darah keturunan bagi memberikan layanan yang adil dan saksama.

Dalam majlis itu, Pengiran Dato Paduka Othman dan keluarga telah menerima beberapa chendera-mata dari Pegawai2 dan Kakitangan Kerajaan, Penghulu2, Ketua2 Kampung dan dari Badan Kebudayaan Asli Daerah Tutong.

Majlis bersara bagi beliau itu telah di-serikan lagi dengan beberapa persembahan tarian2 dan nyanyi2an.



Gambar atas: Pengiran Dato Paduka Othman menerima chendera-mata yang di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awg. Zainal Abidin, sementara gambar bawah menunjukkan salah sa-orang penduduk di-daerah itu mengucapkan selamat bersara kepada Pg. Dato Paduka Othman.



Peraduan melukis hisan muka kulit Majalah Belia 1972

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara akan menganjurkan peraduan melukis bagi hisan muka kulit Majalah Belia 1972.

Peraduan itu terbuka kepada semua ahli persatuan2 belia di-seluruh negeri.

Mereka yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan itu boleh-lah berhubung dengan Jabatan Kebajikan untuk butir2 lanjut.

Pemenang pertama dalam peraduan tersebut akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak \$30.00; kedua \$20.00 dan ketiga \$10.00.

Semua lukisan2 hendak-lah di-hantar kepada Jabatan Kebajikan tidak lewat dari 16hb. Disember, 1972.

Pepereksaan akan di-adakan sa-kali lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Murid2 yang telah mengambil pepereksaan bagi chalun ka-Sekolah2 Persediaan Inggeris Kerajaan dan chalun2 ka-Sekolah2 Menengah Melayu yang di-adakan pada 30hb. September dan 2hb. Oktober lalu akan terpaksa mengambil pepereksaan sa-kali lagi dalam kertas 'am.

Pepereksaan itu akan di-jalankan sa-rentak di-Pusat2 Pepereksaan di-seluruh negeri pada 18hb. Nobember bulan hadapan.

Sa-orang juruchakap di-Ja-

batan Pelajaran Bahagian Pepereksaan berkata, hanya penuntut2 yang telah mengambil pepereksaan kertas 'am saja di-kehendaki mengambil pepereksaan tersebut.

Juruchakap itu menerangkan, sebab2 di-adakan pepereksaan kertas 'am sa-kali lagi kerana soalan itu telah di-chetak salah dari sa-buah Perchetakan di-London.

Soalan pepereksaan untuk chalun ka-Sekolah Persediaan Inggeris Kerajaan telah bertukar kepada soalan peperek-

saan untuk Sekolah Menengah Melayu dan demikian pula sa-balek-nya.

Pada lazim-nya bahagian Pepereksaan kata juruchakap itu, tidak berhak membuka semua soalan2 itu sa-hingga pada sa'at pepereksaan hampir di-jalankan.

Apabila soalan2 tersebut dibuka di-Pusat2 Pepereksaan pada masa itu dan di-dapati soalan2 pepereksaan kertas 'am telah bersalahan dan dengan demikian soalan itu telah di-sifatkan buchor yang tidak sah di-pergunakan lagi.



Y.B. P.O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awg. Hj. Md. Jamil Al-Sufri.

RAAYAT DI-SERU SUPAYA MENYUMBANGKAN BAKTI DEMI MENJAYAKAN PEMBINAAN STADIUM BAGI MEMPERINGATI LAWATAN BAGINDA QUEEN KA-BRUNEI

TAYANGAN perdana filem ini ada-lah merupakan salah satu usaha Jawatankuasa Pengutip Derma Bagi Shari- kat2 Perniagaan Termasok Bank dan Panggong Wayang untuk mengisi Tabong Pembinaan Stadium yang sedang di-lancarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Pengurus panggong ini ia-itu Awang Ong Kim Kee telah bermurah hati untuk mendermakan semua kutipan wang yang di-perolehi dalam tayangan perdana ini kepada Tabong Pembinaan Stadium. Sumbangan ini merupakan salah satu sumbangan yang berharga yang dapat di-usahakan oleh sa-orang raayat dan penduduk negeri ini, dan dapat di-jadikan contoh tauladan oleh orang2 lain, terutama-nya oleh Shari- kat2 Perniagaan yang besar2 yang menjalankan perniagaan sa-chara aman dan ma'mor di-bawah perlindungan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Projek pembinaan stadium ini ada-lah terbit dari hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadikan lawatan ka-Brunei Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II itu sa-bagai suatu lawatan yang tetap di-kenang dan di-rista oleh seluruh raayat dan penduduk negeri ini. Untok menyempurnakan hasrat baginda itu, baginda telah menitahkan supaya stadium ini sama2 di-bina oleh raayat dan penduduk negeri ini dengan jalan samada menghulurkan derma atau tenaga.

Sa-bagai raayat dan pendu- dok negeri ini yang ta'at setia- nya tertumpu kepada Sultan dan Negara, tentu-lah kita tidak akan menghampakan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ini. Dan juga kita tidak akan kabak2 hati untuk menghulur- kan derma, baik berupa wang atau tenaga dalam pekerjaan

yang berkebakikan ini yang akan mendatangkan faedah besar kepada bangsa dan negara. Saya perchaya semua raayat dan penduduk di-negeri ini tidak ada yang merasa was-was mengenai dengan projek pembinaan stadium ini dan semua- nya akan memberi kerjasama yang sa-erat2-nya kepada orang2 yang telah di-tugaskan untok melaksanakan usaha yang akan mendatangkan ke- bakikan kepada negeri kita Brunei yang kita cintai ini.

Tentang sambutan orang ramai terhadap pengutipan derma itu sa-bagai menjun- gong titah untok menjun- gong ta'at setia raayat dan penduduk negeri ini untok memboktikan sokongan kepada titah itu telah terbokti dari penjualan tiket untok pertunjukkan pada malam ini yang saya telah di-beritahu bahawa penjualan-nya telah habis dan berjumlah harga tiket itu tidak kurang dari tujuh ribu ringgit. Ini tidak-lah shak lagi bahawa sambutan ini bersebab ada-nya semangat ta'at setia kepada Sultan yang kita pusakai turun temurun itu berkubar2 di-dada masing2 maka semangat yang sa-demikian ini-lah yang mesti kita pelihara, yang mesti kita pupuk, yang mesti kita suborkan dan amalkan dengan sa-perano2-nya menjadi suatu per- saan yang di-jadikan pusaka abadi kepada anak chuchu kita turun temurun.

Saya ingin mengulang kem- bali sa-bahagian sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin mengenai pro- jek pembinaan stadium ini yang telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada 23hb. September, 1972 ia-itu pada sukut sempena baik hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia itu. Duli Yang Teramat Mulia itu bersabda:

"Hulurkan-lah derma sa- angkat2 hati dengan di-ser- tai niat tulus ikhlas laila jujur. Beta penoh harapan dan yakin semangat memu- chang2 atau tolong-menolong

maseh hidup dan akan terus hidup pada sa-tiap raayat dan penduduk Brunei".

Demikian sabda baginda. Sabda yang tulus ikhlas dari Duli Yang Teramat Mulia ini hendak-lah di-fahami dengan sa-halus2-nya oleh seluruh raayat dan penduduk di-negeri ini. Kalau derma yang kita dermakan dengan sa-angkat2 hati itu hanya berjumlah sa-ringgit dua, apa-kah ini men- chukupi dan tidak menghampakan hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok membina sa-buah stadium yang berharga berjuta2 ringgit itu? Dengan kata lain, kalau derma kita itu sedikit jumlah- nya, amalkan-lah semangat memuchang2 yang telah kita warisi turun temurun itu. Bu- kan-lah berma'ana derma sa- angkat2 hati itu sa-mesti-nya keluar dari poket kita sendiri, kerana bagi sa-tengah kita wang 50 sen itu ada-lah besar arti- nya. Perkara yang penting ia- lah semangat untok menjaya- kan pembinaan stadium ini se- suai dengan lafadz ta'at setia kita kepada Sultan dan Nega- ra. Kalau ada semangat akan terbit-lah usaha ikhtiar kita untok menjun- gong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pa- duka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu di-dalam hati masing2 itu mempunyai nilai dan harga yang tinggi.

Mithal-nya, kalau kita me- minta derma kepada anak2 sekolah, tentu-lah mereka tidak dapat mengeluarkan derma kerana mereka bukan-nya bergaji atau sudah bekerja. Tetapi kalau murid2 di-sabua- h sekolah itu di-galakkan meng- adakan suatu projek memu- chang2, mithal-nya mengada- kan suatu pementasan, atau projek menyuci kereta guru2 atau projek menyuci rumah2 orang atau projek memungut sampah di-rumah2 orang, saya perchaya derma dari murid2 di-seluruh negeri kita ini akan melebehi dari \$10,000.00 atau \$20,000.00 ini ada-lah tergantong kepada usaha2 yang di- galakkan oleh guru-nya meng- kubarkan semangat memu-

Berikut ia-lah ucapan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhor- mat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Uta- ma (Dr.) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri, Selaku Setia Usaha J/K Tertinggi Pem- binaan Stadium bagi mem- peringati lawatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen ka-Brunei sa-belum merasmikan tayangan per- dana filem "Fist of Fury" di-panggong Boon Pang Baharu pada malam Rabu lepas.

Hasil dari penjualan tiket dalam pertunjukkan pada malam itu telah di-hadiah oleh pengurus panggong tersebut, Awang Ong Kim Kee untok tabong pem- binaan stadium itu.

chang2 dan semangat menyam- but titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu. Dan derma yang saperti ini ada-lah lebe- berma'ana kerana derma itu ada-lah hasil dari titik peloh mereka sendiri dan semangat kemahuan mereka sendiri.

Oleh yang demikian saya berseru-lah kepada seluruh ra- ayat dan penduduk di-negeri ini supaya dapat tampil ka- muka menyumbangkan bakti, samada sa-chara perseorangan atau sa-chara berkumpulan, demi menjun- gong hasrat Ke- bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok membina sa-buah stadium bagi memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II itu, dan akan mendatangkan faedah kepada seluruh raayat dan penduduk negeri ini. Dan kepada Awang Ong Kim Kee, sekali lagi saya bagi pehak Jawatankuasa Tertinggi Ta- bong Pembinaan Stadium menguchapkan berbanyak2 te- rima kaseh atas angkat hati- nya mendermakan kutipan wang pada malam ini kepada Tabong Pembinaan Stadium. Sa-moga badan2 perniagaan yang lain akan turut berdu- yun2 mengikut langkah Awang Ong Kim Kee yang berkebaji- kan ini.

Akhir-nya untok memulakan pertunjukkan ini dengan nama Allah Tuhan yang amat pemur- lah lagi amat mengesehani, saya rasmikan tayangan per- dana pada malam ini. Sa-moga Allah akan memberkati dan akan membuka lebe- luas lagi hati penderma2 terutama se- kali segala shariat2 yang besar yang mempunyai nilai yang lumayan yang berjuta2 ringgit sa-tahun akan menderma lebe- lagi dan akan turut mengikut- nya di-belakang supaya projek kita yang akan menelan ber- juta2 ringgit akan dapat di- jalankan terus menerus dari derma orang ramai.

Sekian, terima kaseh.

(Dari muka 2)

Jika sa-kira-nya sa-saorang murid itu gagal memasoki sekolah Inggeris Kerajaan dari darjah IV Melayu, mereka ada peluang lagi dalam darjah V dan VI dengan syarat umur-nya tidak lebeh 12 tahun.

Dan sa-kira-nya mereka gagal lagi sa-takat darjah VI sedangkan umur-nya sudah lebeh 12 tahun mereka terpaksa meneruskan pelajaran-nya ke-sekolah menengah Melayu sahaja.

Apapun yang di-utamakan buat sementara ini ia-lah mengajar bahasa Inggeris di-darjah V dan VI kerana murid2 ini akan meneruskan pelajaran mereka di-sekolah2 menengah Melayu dan akan mengambil Sijil Rendah Pelajaran.

Sebab itu buat masa ini darjah V dan VI di-sekolah2 Melayu di-utamakan asas bahasa Inggeris kerana mereka ada di-antara-nya tidak lagi berpeluang menyambung ke-sekolah Inggeris Kerajaan dan mereka akan terus menyambung ke-sekolah2 menengah Melayu. Bagaimana pun pelajaran bahasa Inggeris akan juga di-teruskan sa-hingga katingkatan menengah atas.

Pengambilan murid2 ke-sekolah2 Inggeris Kerajaan dari sekolah2 Melayu darjah IV akan tetap di-teruskan seperti biasa.

Kedudukan murid2 yang di-ajar bahasa Inggeris tahun hadapan akan menggunakan Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris tahun pertama saja. Tahun 1974 murid2 darjah V dan VI, mungkin darjah III dan IV tahun 1973, akan menggunakan Sukatan Pelajaran tahun dua dan dalam tahun 1975 murid2 darjah I dan II akan menggunakan Sukatan Pelajaran tahun satu, darjah III dan IV menggunakan Sukatan Pelajaran Tahun Dua dan darjah V dan VI menggunakan Sukatan Pelajaran tahun tiga.

Menurut Awang Suni, ini berarti kita hanya menggunakan Sukatan Pelajaran yang normal mulai tahun 1976.

Menjawab soalan lain mengenai kedudukan guru2 Melayu yang mengajar bahasa Inggeris di-sekolah2 Melayu Awang Suni menjelaskan, sementara ini dan untuk beberapa tahun akan datang semua guru2 yang telah menjalani kursus di-mestikan mengajar bahasa Inggeris di-sekolah2 rendah Melayu dengan di-mulai darjah V dan VI lebeh dahulu kemudian-nya di-ikuti darjah IV, III, II dan I sahingga period yang di-tetapkan bagi sa-saorang guru mengajar di-perolehi.

Kata-nya, mulai tahun hadapan masa mengajar bahasa Inggeris telah pun di-tetapkan. Darjah I sampai III akan be-

Bahasa Inggeris akan di-ajarkan di-semua sekolah2 rendah Melayu tahun depan

lajar 300 minit dalam seminggu dan darjah IV sampai VI belajar 360 minit dalam seminggu. Ini terpaksa mengurangkan masa bagi mata2 pelajaran lain.

Di-sekolah2 tersebut murid2 akan terus meneruskan di-ajarkan bahasa Inggeris dan kalau pengajian bahasa Inggeris-nya cukup baik yang di-terimanya dari darjah I maka beliau yakin tidak ada satu sebab kenapa mereka tidak faseh bertutur bahasa Inggeris apabila mereka dalam Tingkatan V atau VI Melayu dan menyambungkan pelajaran-nya ke-Universiti yang mempunyai bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar-nya.

Awang Suni juga tidak dapat menafikan bahawa kebanyakan penuntut2 yang tidak ada mempelajari bahasa Inggeris di-sekolah2 rendah sa-belum ini terutama di-sekolah2 pendalaman dan mendapati keputusan peperiksaan bahasa Inggeris mereka merusot.

Dengan ada-nya asas2 pengajian bahasa Inggeris di-berikan di-semua sekolah2 rendah Melayu di-masa2 akan datang ada-lah di-perchayai penuntut2 tersebut akan dapat menguasai bahasa Inggeris dengan sempurna baik bagi penuntut2 yang menduduki di-sekolah2 Inggeris Kerajaan atau penuntut2 di-sekolah Melayu.

Beliau juga menyatakan harapan-nya supaya semua sekolah2 rendah Melayu baik dalam bandar atau di-luar bandar akan dapat mengajar bahasa Inggeris sa-lewat2-nya tahun 1974.

Guru2 itu nanti akan mengajar dengan berpandu ketat kepada kertas2 panduan mengajar yang telah di-susun dan kemudian di-edarkan kepada mereka dari satu masa sa-satu masa.

Tambah-nya lagi, tidak-lah menjadi halangan jika sa-sa-buah sekolah itu mengajar bahasa Inggeris meskipun guru yang akan mengajar itu belum di-beri kursus dan perkara itu terpulang-lah atas kebijaksanaan guru2 besar di-sekolah2 itu sendiri. Bagaimana pun murid2 yang akan di-ajar itu di-utamakan darjah yang paling tinggi umpama darjah VI, V atau IV dan sa-terus-nya.

Menjawab satu pertanyaan ada-kah guru2 yang akan mengajar tetap bahasa Inggeris itu memadai sa-takat yang ada dalam rancangan hari ini jika di-pandang dengan perkembangan pelajaran

di-sekolah2 Melayu pada masa akan datang, beliau sa-lanjut-nya menerangkan buat masa ini guru2 yang mengajar bahasa Inggeris belum-lah boleh di-katakan memadai.

Tetapi beliau berharap kekurangan guru itu akan dapat di-tampung dalam tiga-empat tahun lagi apabila guru2 yang keluar dari Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah di-lateh chara2 mengajar bahasa Inggeris.

Di-tanya tentang ejaan bahasa yang di-gunakan di-sekolah2 seluruh Malaysia termasuk juga Singapura, yang sa-chara tidak langsung melibatkan negeri ini, Awang Suni tidak dapat menerangkan kedudukan itu buat masa ini meskipun menjelang tahun hadapan semua kertas2 jawapan peperiksaan di-buat dalam ejaan baru.

Perkara itu sa-chara tidak langsung menimbulkan satu masa'alah kepada pelajar2 di-sini kerana boleh di-katakan semua peperiksaan itu di-

anjarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Untuk mengatasi kerumitan tersebut yang bakal di-hadapi oleh pelajar2 di-sini dan menurut puncha2 yang tidak rasmi menyatakan bahawa guru2 di-sekolah2 yang berkenaan telah pun memulakan mengajar sa-chara teori dan priktikal mengenai ejaan baru tersebut.

Kalau-lah langkah tersebut di-ambil oleh para guru bagi menolong mengatasi masalah penuntut2-nya tentang ejaan baru, maka langkah itu dapat-lah di-beri pengharagaan.

Mengakhiri temu-ramah tersebut, Awang Suni melahirkan harapan-nya kepada ibu bapa dan penjaga murid2 supaya mengambil tahu tentang kemajuan anak2 mereka.

Kata-nya, masa ini kita sedang masuk dalam zaman sains dan teknologi dan negara kita sedang membangun maju dan pelajaran-lah asas bagi keseluruhan kemajuan tersebut untuk mencapai apa yang di-chita2kan.

Jawatan2 Kosong

Sa-bagai Inspekter Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk dilantik sa-bagai Inspekter2 Perchubaaan dalam Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Kelayakan2:

Umur — Di-antara 19 hingga 26 tahun.

Tinggi — Tidak kurang dari 5' 4"

Dada — Sekurang2-nya 34" apabila tidak di-tarik nafas

Pelajaran — Kelayakan pelajaran yang di-kehendaki ia-lah Sijil L.C.E. (Aliran Inggeris) atau yang sa-banding dengan-nya. Biasanya kelayakan2 yang lebeh tinggi yang di-kehendaki.

Gaji:

Gaji pokok ia-lah \$510.00 sabulan mulai dari hari pertama memulakan latehan.

Latehan:

Chalun2 yang di-pilih akan menjalani latehan permulaan sa-lama lapan bulan di-Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara sa-bagai Pegawai2 Kedet. Sa-telah tamat latehan sa-bagai Inspekter2 Perchubaaan, mereka akan di-tempatkan di-Steshen Pulis untuk memperolehi pengalaman dan akan menjalani kursus2 selanjut-nya sa-belum di-tetapkan dalam pangkat Inspekter.

Permohonan2:

Mesti-lah di-buat dalam borang Pulis 2 yang boleh di-dapati daripada Ibu Pejabat Pulis, Gadong atau di-Ibu Pejabat2 Daerah di-Bandar Seri Begawan dan Panaga dan mesti-lah sampai kepada Pesuruhjaya Pulis tidak lewat daripada 14hb. Oktober. Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan mesti-lah memohon menerusi Ketua Jabatan masing2.

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei.

BILAL:

1 jawatan bagi Mesjid Kasat, Brunei.

1 jawatan bagi Mesjid Telisai, Tutong.

1 jawatan bagi Mesjid Keriam, Tutong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan Mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam mem-

bacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Agama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kelayah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U.2 — \$220x 10-390-410x10-430.

Permohonan mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 26hb. Oktober, 1972.

D.Y.M.M. saksikan peluru berpandu di-tembakkan

(Dari muka 1)

Peluru berpandu jenis SS-12 mempunyai kecheputan terbang menuju ka-sasaran-nya dalam jarak kira2 3 batu dalam masa 27 saat, sementara jenis SS-11 sa-lama 16 saat. Dalam pertunjukkan itu tiga buah peluru berpandu telah di-tembakkan.

Selesai menyaksikan bagaimana peluru berpandu itu mengambil peranan dalam

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkih, Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri La'ila Utama Awang Isa, Yang Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu dan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya, Pengiran Hj. Momin bin Pengiran Othman.

Sijil "Patrol boat command" bagi Cpt. Kifli

MUARA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengurniakan sijil "patrol boat command" kepada Kapitan Kifli bin O.K. Laila Setia Razali.

Sijil itu telah di-anugerahkan Baginda sa-jurus sa-belum Baginda menaiki kapal KDB Pahlawan untuk berangkat ka-laut bagi menyaksikan pertunjukkan menembakkan peluru berpandu yang dilengkapi kapal tersebut dalam satu upacara singkat di-temban Pangkalan Laut Pertama AMDB pada pagi hari Rabu lepas.

Ketibaan Baginda dan rombongan di-Pangkalan Laut Pertama AMDB itu telah di-alu2kan oleh Pegawai Pemerintah AMDB, Colonel Dato B.F.L. Rooney dan Pemerintah Pangkalan Laut Pertama, Major P.J. King.

Dengan sijil itu, Kapitan Kifli layak memerintah kapal2 ronda dan lain kenderaan laut AMDB dalam semua keadaan sama ada dalam keadaan yang tenang, mahu pun dalam masa kekacauan baik siang mahu pun malam.

Tiga orang lagi Sergeant dalam tiga buah kapal ronda AMDB telah di-anugerahkan sijil2 "coxwein" yang memberi kuasa kepada mereka untuk menjaga disiplin dan pentadbiran dalam kapal masing2.

Mereka itu ia-lah S/Sgt. Saini bin Bagol yang menerima sijil coxwein bagi perkhidmatan kapal KDB Pahlawan; Sgt. Julaihi bin Haji Majid bagi kapal KDB Saleha; dan, Sgt. Mustapha bin Chuchu bagi KDB Masna.

Umat Islam mula berpuasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei telah mula berpuasa pada hari Isnin 9hb. Oktober lepas.

Untuk menghormati awal bulan Ramadhan itu, hari Isnin telah di-ishtiharkan sa-bagai hari kelepasan awam bagi seluruh negeri.

Di-sepanjang bulan puasa ini waktu bekerja bagi Jabatan2 Kerajaan di-seluruh ne-



DULI Yang Maha Mulia sedang mengurniakan sijil "patrol boat command" kepada Kapitan Kifli bin O.K. Laila Setia Razali dalam satu upacara singkat di-temban Pangkalan Laut Pertama AMDB pada hari Rabu lepas. Sedang memerhati di-tengah2 ia-lah Pemen-tah Pangkalan Laut Pertama, Major P.J. King.



S/Sgt. Saini bin Bagol..... menerima latehan di-Peranchis.

pertemporan2 di-laut, Duli Yang Maha Mulia kemudian-nya telah menchuba menembakkan MG-42 dan M-16 bersama2 dengan adinda baginda, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir.

Baginda telah menembakkan MG-42 dengan menggunakan sa-banyak 400 biji peluru menuju ka-sasaran-nya yang sedang terapong2 di-laut dan 20 biji peluru lagi ketika menembakkan M-16. Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir menembakkan M-16 dengan menggunakan 20 biji peluru.

Dalam perjalanan pulang ka-pangkalan, KDB Pahlawan telah di-tunggu dan di-kepong oleh tiga buah kapal2 ronda KDB Masna, KDB Saleha dan KDB Nor'ain dan di-sertai dengan pesawat hovercraft dalam pertunjukan chara2 mengepong dan mempertahankan diri ketika di-serang di-laut.

Walau machamana pun, KDB Pahlawan yang pada ketika itu membawa Baginda dan rombongan telah dapat menyelamatkan diri apabila ia-nya dapat mengelirukan sa-telah mengeluarkan kepolan asap yang tebal yang menyebabkan tiga buah kapal yang sedang mengejar-nya terpaksa berpecah haluan dan masing2 hendak keluar dari lingkungan kepolan asap itu.

Baginda telah di-iringi oleh



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri selaku Usaha Pembinaan Stadium sedang menerima cek daripada Awang Ong Kim Kee (gambar atas).

Wang tersebut yang berjumlah \$7,005 itu ada-lah hasil penjualan

tiket tayangan perdana mem "Fist or Fury".

Benau menguchapkan berba-nyak2 terima kasen kepada Awg. Ong Kim Kee, tuan punya rang-gong Boon Rang yang telah ber-usana mengadakan tayangan per-dana them tersebut yang pendapatan-nya di-khaskan unok tabong pembinaan stadium Brunei.

Menurut Pehin Orang Kaya Amar Diraja bahawa usaha yang di-tunjukkan oleh Awang Ong Kim Kee itu patut-lah menjadi chontoh kepada peniaga2 yang lain di-negeri ini bukan hanya dengan wang tetapi juga dengan usaha2 lain bagi menjunjong ti-tah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul-tan dan Yang Di-Pertuan.

Turut hadir dalam penyampai-an cek itu ia-lah Pengerusi Ja-watan Kuasa bahagian Sharikat2, Perusahaan dan Perniagaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, Dato Paduka Awang Haji Talib bin Derwish, Yang Di-muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain dan Awang Elias Jupp.